

Struktur dan Unsur Estetika dalam Mantera *Kaul* Melanau di Mukah

The Structure and Aesthetic Elements of the Mukah Melanau *Kaul* Incantation

CHONG SHIN & PAN HUI

ABSTRAK

Suku Melanau di Sarawak merupakan salah satu suku peribumi yang berdepan dengan ancaman kepunahan kebudayaan tradisional akibat beberapa faktor seperti urbanisasi, Islamisasi dan sebagainya. Aspek kebudayaan mereka, walaupun telah banyak diteliti sebelum ini namun masih terdapat lompong-lompong ilmu yang perlu diisi dan diperhalusi. Kajian ini berfokus pada mendeskripsi dan menganalisis mantera yang dibacakan semasa upacara memuja laut, iaitu upacara Kaul. Di daerah Mukah, Kaul diadakan oleh suku Melanau pada setiap bulan April, iaitu di akhir musim tengkujuh. Upacara ini diadakan untuk meminta Ipok-ipok (dewa laut) memberkati rezeki penduduk Melanau supaya makmur daripada segi hasil penangkapan laut dan pertanian pada musim yang baru. Hasil kajian mendapati bahawa struktur binaan mantera kaul mempunyai struktur yang sistematik dan tersusun dengan bermula daripada kata pembuka, ucapan mempelawa Ipok-Ipok (dewa laut) menjamu selera, menyatakan permintaan dan penutup mantera. Analisis terhadap kandungan mantera didapati bahawa mantera ini kaya dengan ciri estetika kesusasteraan, misalnya mengandungi alusi, anaphora, repeten, epifora dan hiperbola.

Kata kunci: Mantera; kebudayaan; Melanau; Kaul; struktur; estetika.

ABSTRACT

The Melanau tribe in Sarawak is one of the indigenous tribes which are now facing the threat of traditional cultural extinction due to several factors such as urbanization, Islamization and many others. Despite many studies conducted about the tribe, studies on spells and sea traditions received little attention. This study therefore describes about the spells read during the rite of the sea during the Kaul ceremony. In the area of Mukah, Kaul is held by the Melanau people at the end of the monsoon season in April. The ceremony was held to seek the blessing and prosperity from sea deity called Ipok-ipok. The findings show that the construct of the vow's is spelled in a very systematic manner for which it is begin with the opening words, the greeting of the Ipok-Ipok (the god of the sea) to dine, claiming the spell request and closing. An analysis of the mantra content also found that this mantra is rich in aesthetic characteristics of literature, such as alusi, anaphora, repeten, epifora and hyperbole.

Keywords: Incantation; culture; Melanau; Kaul, structure; aesthetic

PENGENALAN

Sarawak merupakan sebuah negeri multilingual dan multi-etnik yang mengandungi kira-kira 30-40 bahasa dan suku etnik, secara perhitungan kasar. Masyarakat Melanau merupakan salah satu suku utamanya, selepas suku Iban, Cina, Melayu dan Bidayuh. Menurut MacDonald (1985), suku Melanau adalah komuniti yang terdiri daripada gabungan populasi suku primitif kawasan hulu dengan komuniti yang lebih moden di pesisir pantai. Secara etnografi, orang Melanau didakwa mempunyai hubungan kekerabatan dengan suku Kayan dan Kajang di hulu sungai Rejang. Misalnya Clayre (1972 dlm. Morris 1978) mengatakan suku Melanau mempunyai hubungan kebudayaan, linguistik dan sosial dengan kelompok

Kajang di pertengahan sungai Rejang dan sungai Balui. Pada asalnya, suku ini sama seperti suku *pagan* lain di Borneo dan mengamalkan cara primitif. Setelah desakan daripada suku lain di kawasan pedalaman, mereka mula berpindah ke kawasan hilir sungai dan bertapak di kawasan persisiran pantai. Di kawasan pesisir, mereka terdedah kepada kebudayaan lain terutamanya kebudayaan Melayu. Keakraban hubungan budaya Melanau dengan Melayu juga telah dicatatkan dalam pengembaraan Hugh Low seawal awal abad ke-19.

Mukah merupakan kawasan persebaran suku Melanau yang terkenal, selain kawasan Oya, Dalat, Seduan, Matu, Daro, Balingian dan sebagainya. Daripada segi variasi bahasa, suku Melanau di setiap daerah ini menuturkan variasi Melanau

yang berbeza; lihat Chou (2002). Daripada segi jumlah populasi, menurut statistik yang ditunjukkan dalam *Yearbook of Statistics Sarawak 2015*, suku Melanau yang menuturkan variasi Melanau Mukah adalah seramai 19,000 orang. Daripada segi keagamaan, mereka dapat dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu Melanau yang beragama Kristian dan Islam. Golongan yang beragama Islam didapati tidak mengamalkan kepercayaan tradisi Melanau yang asal seperti *bebayoh* dan *payun*, iaitu cara mengubati penyakit melalui cara perbomohan, mengadakan *Kaul* iaitu upacara memuja dewa laut dan sebagainya. Bagi golongan yang beragama Kristian, mereka masih mengekalkan sesetengah amalan tradisional, di antaranya ialah *Kaul* iaitu suatu upacara memuja *Ipok-ipok* (dewa-dewa) laut. Upacara tersebut diadakan dengan tujuan meminta *ipok-ipok* memberkati rezeki mereka. Semasa kaul diadakan, seorang *bapak kaul* (ketua kaul) akan mengetuai acara tersebut. Penduduk akan menuju ke tepi pantai dengan membawa makanan dan sesajen bersama. Semasa upacara berlangsung, *bapak kaul* akan membacakan mantera untuk “menjemput” *ipok-ipok* datang menjamu makanan. Menurut Awang & Jeniri (2001), aktiviti pemujaan laut ini telah diamalkan oleh suku Melanau di pesisir pantai sejak 400 tahun yang lalu. Upacara ini mirip dengan *semah* yang diamalkan oleh suku Melayu di pantai Sarawak; lihat Skeat (1949). Daripada segi perbandingan, tujuan suku Melayu dan Melanau memuja laut adalah sama, iaitu memohon semangat laut memberkati rezeki mereka. Walau bagaimanapun, kedua-dua adat ini berbeza daripada segi proses, peralatan dan adat yang terlibat; lihat Pan Hui (2017).

Makalah ini akan berfokus pada mantera yang dibacakan semasa upacara *Kaul* diadakan. Mantera ini diperoleh daripada En. Salman Tuna di Kampung Telian Tengah. Beliau dilantik sebagai *Bapak Kaul* mulai tahun 2015. Sesungguhnya, jika meneliti pada kosa ilmu kajian lepas, tidak dapat dinafikan bahawa upacara *Kaul* telah lama diberi perhatian; lihat misalnya tulisan yang dibuat oleh Rubenstein (1973), Yasir (1987), Jeniri (2015) dan Jeniri & Awang (2001). Namun demikian, didapati mantera yang dipaparkan di dalamnya tidak diberi analisis atau kupasan. Bertitik-tolak daripada kekurangan ini, makalah ini akan mengupas struktur mantera tersebut dan membincangkan unsur estetika yang terkandung dalam mantera tersebut.

KERANGKA KAJIAN

Dalam pengkajian mantera atau *Ilmu*, berbagai teori dan pendekatan boleh dimanfaatkan. Contohnya Sabrina (2013) yang menganalisis mantera Melayu dengan menggunakan teori Firth; Jasman (2015) pula mengkaji mantera dalam budaya Bajau Pitas dengan berdasarkan teori Fenomenologi yang didukung oleh Schutz. Kedua-dua contoh ini adalah bertitik-tolak daripada disiplin ilmu antropologi. Ini berbeza dengan kajian Noriah Taslim (2010) yang menggabungkan pendekatan struktural dan sosiologi sastera iaitu meneliti mantera sebagai struktur bahasa yang terbina oleh unit kata atau bunyi, dan daripada perspektif sosiologi yang melihat struktur bahasa itu sebagai berfungsi dan bermakna kepada dunia berujukan. Dalam kajian beliau ada menyatakan mantera juga menggunakan teknologi sastera secara sedar untuk menyiratkan kuasa ke dalam binaannya.

Sesungguhnya, Noriah Taslim (2010) telah mengemukakan satu kaedah menghurai mantera daripada perspektif sastera. Dalam kaedah tersebut, beliau menyepadukan teori kawalan sosial, sosiologi dan fungsionalisme sebagai latar belakang. Dengan membincangkan mekanisme kuasa dalam mantera, beliau menemukan mantera dibina atas pelbagai teknologi sastera yang secara sedar menyiratkan kuasanya. Namun demikian, pendekatan beliau masih bersifat sepintas lalu dan perlu diperkembangkan dan diperhalusi lagi. Dalam hal ini, beliau hanya membicarakan tiga unsur, iaitu metafora, simile dan alusi (rujukan) yang terdapat dalam mantera Melayu. Beliau mengatakan bahawa kuasa spiritual (yang sakti, gagah, perkasa dan sebagainya) yang berujukan boleh dipindahkan kepada penerima melalui penggunaan bahasa metafora, simile, alusi dan sebagainya. Makalah ini merupakan satu usaha sederhana menerapkan pendekatan beliau untuk menganalisis struktur mantera *Kaul* dan unsur keindahan di dalamnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang bertujuan menghuraikan struktur mantera dan ciri keindahan mantera *Kaul* suku Melanau. Justeru itu, untuk memperoleh data mantera, kajian lapangan telah dilakukan di Kampung Telian, Mukah. *Bapak Kaul* di kampung ini (Encik Salman bin Tuna) dijadikan fokus kerana beliau adalah orang

yang mahir dengan mantera *Kaul* dan ditugaskan memimpin upacara *Kaul* pada setiap tahun. Daripada segi tatacara pengumpulan data, penulis menggunakan kaedah wawancara dan merakam. Oleh kerana Bapak Kaul telah menyediakan mantera tersebut dalam bentuk teks bertulis, jadi dalam sesi wawancara, kami cuma bertanyakan definisi-definisi untuk kata Melanau yang tidak difahami, di samping berusaha mendapatkan lebih banyak maklumat tentang *Kaul* Melanau. Hasil temu bual dan pertanyaan mengenai maksud kata-katanya telah dirakamkan untuk rujukan. Sesungguhnya, pada kunjungan lapangan ini, kami memperoleh banyak hasil yang bukan sahaja tentang maklumat mantera, tetapi juga pengisahan beliau tentang kebudayaan berkenaan upacara tersebut.

ANALISA DATA

Makalah ini menganalisis mantera Kaul daripada tiga aspek, iaitu (i) membandingkan mantera Kaul

dengan mantera yang dikumpulkan oleh peneliti lain (iaitu Jeniri & Awang 2001), (ii) menganalisis struktur mantera *Kaul* (dibekalkan oleh En. Salman), (iii) membincangkan unsur estetika dalam mantera tersebut.

PERBANDINGAN MANTERA KAUL

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, upacara *Kaul* telah banyak diteliti oleh para sarjana. Dalam tulisan Jeniri & Awang (2001), dimuatkan satu mantera *Kaul* yang seumpama dengan mantera yang dibekalkan oleh En. Salman. Setelah dibandingkan, didapati bahawa setiap Bapak Kaul yang berbeza mempunyai mantera yang berlainan. Berikut membandingkan struktur kedua-dua mantera ini.

<i>Kaul</i> dari Salman Tuna	Jeniri & Awang (2001)
Tabik Datuk	Oi ipok
Tabik Melau Idei Ipuk	Ipok wab, ipok laan, ipok alud, ipok daya
Meleu Nda Ta'au Adet	Melo menibah kelo
Meleu Nda Ta'au Petuwak	Bak tapak gak gito semua
Meleu Nda Ta'au Bahasa	Bak keman, bak pamen
Meleu Nda Ta'au Cara	Ji telow
Yen Tan Melew Bak Pedengah	Tujuan melo menyabek umur alo
Bak Gugga, Menggeta'au	Rezeki murah
Kelew Likau Dibak Kala	Ino ji wak bak kan alud daya
1. Ipuk Alud	Binatang, wak bau tanah, wak pesilieng
2. Ipuk Daya	Lenlah wak bak senabek melo
3. Ipuk Ba'au	Mana ji wak jaat wat
4. Ipuk Dibak	Wak jauk maseng
5. Ipuk Ajok	Kurieng, padak pulek
6. Ipuk Abak	Kak bak mengacau menggagau
7. Ipuk Wab	Kemanlab sama-sama woi ipok
8. Ipuk La'an	Tohlah diak-diak
9. Ipuk Pegak	Bak sama-sama ji telo
10. Ipuk Jakak	Bak tudip bau dunia ito
11. Ipuk Tanak	Melo syukur
12. Ipuk Segala Ipuk	Terima kasih gak kelo ipok
Keman Sama, Pamen Sama	Melo menyabek umur alo, rezeki murah.
Telau Idei Ipuk	Oi kelo ipok
Melew Menyabek	Ipok alud
Rezeki Murah	Ipok daya
Menyabek Doa Diak	Ipok wab
Diak Apah, Diak Bi'yah	Ipok laan
Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud	Ipok bau
Padak Jadi Jekan Daya	Ipok dibak
Padak Jadi Bunga Buak Bak Pebuak	

Padak Jadi Kayau	Ipok jakak
Padak Jadi Lelamah	Ipok pegak
Padak Jadi Imun	Ipok tanak
Padak Jadi Kebun	Ipok sungai
Lubeng Likau	Ipok li-ae
Lubeng Gu'un	Ipok teluok
Lubeng Talun	Ipok jalan
Padak Penok Nyirok	Ipok takan ipok-ipok kieng sigieng mata linga kelo ipok
Penok Kilak	Itowlab melo sow anak menibab kelo sama-sama
Penok Upak	Bak keman
Penok Tadek	Bap pamen
Bak Kan Anek Sawa	Melo menyaneak doa gak kelow ipok
Seaw Silau	Bak umur alow sow anak now
Seaw Sikau	Neb semuneb
Seaw Isit	Inow ji wak masaeng wak kurieng nejaga
Seaw Umit	Wak jaat susub jauk
Seaw Ieasing	Kemanlab telo sama-sama
Seaw Sadieng	Telow ditow low ito
Seaw Nau Idei Ipuk	Keman ipok pegak
Wak Diak Juah Nau	Ipok tanak
Lagak Nau	Ipok talon, ipok guun
Idok Nau Gak Melew	Ipok daya ipok alud
Wak Ja'at Nuwet	Ipok data ipok lat
Padak Pepieng Pegalieng	Kak selingau kak telabau
Jauk Kak Petemu	Kamei menyabek daau
Kak Pejumpak Wak Nda Pidah, Nda Diak	Apab bias lalo umur
Pelating Pesiling Jauk	Jegum murah rezeki
Keman Melo Ipuk	Bei wak kurieng wak masieng lelan mapun abak, mapun kala
Keman Pamen Telo Ipuk	
Keman Sama, Pisak Sama	
Puk..a..a..a..a..a..a..a..a..a	

Daripada dua mantera *kaul* yang dibacakan oleh dua bapak *kaul* yang berlainan, didapati jenis mantera yang digunakan juga berlainan. Contohnya, dalam bahagian permulaan mantera En. Salman Tuna, ia bermula dengan kata-kata aluan kepada *Ipok* seperti berikut:

“*Tabik Datuk*
Tabik Melau Idei Ipuk
Meleu Nda Ta'au Adet
Meleu Nda Ta'au Petuwak
Meleu Nda Ta'au Bahasa
Meleu Nda Ta'au Cara...

(Selamat Datuk, kami di sini hormati *Ipok*, kami tidak tahu adat, kami tidak tahu petua menyembah, kami tidak tahu bahasa, kami tidak tahu cara)

Manakala mantera yang dipetik dalam Jeniri & Awang (2001), permulaannya adalah berbunyi seperti berikut:

“*Oi ipok*
Ipok wab, ipok laan, ipok alud, ipok daya
Melo menibab kelo
Bak tapak gak gito semua
Bak keman, bak pamen...

(Oi Ipok, Ipok Barat, Ipok Timur, Ipok Laut, Ipok Darat, kami memanggil Kamu, supaya datang sini semua, menjemput makan menjemput minum)

Daripada contoh ini, diperhatikan bahawa tahap kesantunan dalam mantera untuk menjemput atau memanggil *Ipok* adalah berbeza mengikut individu Bapak *Kaul*. En. Salman didapati mengucap selamat dan melafazkan hormat kepada *Ipok* di samping mengeluarkan kata-kata (frasa) yang bersifat rendah diri. Manakala mantera dalam buku Jeniri & Awang (2001) lebih bersifat seruan yang ditujukan secara langsung kepada *Ipok-Ipok* tanpa menggunakan kata-kata aluan.

Daripada segi doa kepada *Ipok* yang berkenaan dengan permintaan supaya alam sekeliling Melanau diberkati dan dilimpahi rezeki dan sebagainya, kedua-dua mantera ini juga menunjukkan perbezaan daripada segi tahap keterperincian. Dalam mantera oleh En. Salman, doa untuk meminta keberkatan *Ipok* lebih terperinci daripada mantera yang dicatatkan dalam Jeniri & Awang (2001). Mantera beliau yang berbunyi seperti berikut merupakan perincian tentang hasil laut bertambah banyak, buah-buahan dan tanaman di kebun tumbuh dengan subur:

Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya
Padak Jadi Bunga Buah Bak Pebuak
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun

Dalam Jeniri & Awang (2001) pula, doa dalam mantera *Kaul* hanya menyatakan secara sepintas lalu sahaja tentang hajat yang ingin masyarakat Melanau capai. Berikut adalah petikan mantera tersebut:

Ino ji wak bak kan alud daya
Binatang, wak bau tanah, wak pesilieng
Lenlah wak bak senabek melo
Mana ji wak jaat wat
Wak jauk maseng
Kurieng, padak pulek

Dalam petikan mantera ini, hanya dinyatakan secara ringkas aspek-aspek yang hendak diberkati oleh *Ipok* iaitu meminta supaya hidupan laut, darat atau yang berterbangan bertambah dan benda yang tak elok (dan jahat) berjauhan daripada mereka. Daripada perbandingan yang dibuat didapati dua jenis mantera yang bertujuan sama apabila dibacakan oleh dua orang Bapak *Kaul* yang berbeza, akan menonjolkan kelainan tertentu misalnya daripada segi bacaan, penggunaan kata atau istilah, kelainan ayat dan sebagainya.

STRUKTUR MANTERA KAUL

Bahagian ini membincangkan struktur mantera *Kaul* yang dibacakan oleh En. Salman. Daripada segi struktur, mantera *Kaul* beliau bermula dengan kata aluan yang menunjukkan tanda hormat kepada *Ipok-Ipok*, iaitu:

Tabik Datuk
Tabik Melau Idei Ipuk

(Salam hormat kami kepada para *Ipok*)

Kemudian Bapak *Kaul* dengan rendah diri dan rendah hati “memohon ampun” daripada *Ipok-Ipok*. Petikan berikut merupakan bahagian tersebut:

Meleu Nda Ta'au Adet
Meleu Nda Ta'au Petuwak
Meleu Nda Ta'au Bahasa
Meleu Nda Ta'au Cara

(Kami tidak tahu adat, petua, bahasa dan cara)

Setelah itu, Bapak *Kaul* akan membacakan bahagian mantera yang berkenaan dengan jenis-jenis *Ipok* yang hendak di jemput, iaitu:

Ipuk Alud
Ipuk Daya
Ipuk Ba'au
Ipuk Dibak
Ipuk Ajok
Ipuk Abak
Ipuk Wab
Ipuk La'an
Ipuk Pegak
Ipuk Jakak
Ipuk Tanak
Ipuk Segala Ipuk

(*Ipok* Laut, Darat, Langit, Bumi, Hulu, Hilir, Timur, Barat, Tebing Sungai, Jalan, Tanah dan segala *Ipok-Ipok* yang tidak sempat dinamakan)

Susulan itu, *Ipok-Ipok* ini akan dipelawakan untuk makan bersama di tempat upacara dengan mantera yang berbunyi:

Keman Sama, Pamen Sama
Telau Idei Ipuk

(Mari kemari untuk makan bersama-sama)

Setelah itu, kandungan mantera yang berkenaan dengan permintaan Bapak *Kaul* kepada *Ipok-Ipok* akan dibacakan, iaitu:


Melew Menyabek
Rezeki Murah
Menyabek Doa Diak
Diak Apah, Diak Bi'yah
Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya
Padak Jadi Bunga Buah Bak Pebuak
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun
Lubeng Likau
Lubeng Gu'un
Lubeng Talun
Padak Penok Nyirok
Penok Kilak
Penok Upak
Penok Tadek
Bak Kan Anek Sawa
Seaw Silau
Seaw Sikau
Seaw Isit
Seaw Umit
Seaw Ieasing
Seaw Sadieng
Seaw Nau Idei Ipuk
Wak Diak Juah Nau
Lagak Nau
Idok Nau Gak Melew
Wak Ja'at Nuwet
Padak Papieng Pegalieng
Jauk Kak Petemu
Kak Pejumpak Wak Nda Pidah, Nda Diak
Pelating Pesiling Jauk

Di akhir mantera Bapak *Kaul* akan mempersilakan *Ipok-Ipok* untuk memakan dan kemudian menutup mantera dengan membaca “puka...a...a...a...” ‘O: Tuhan’.

Keman Melo Ipok
Keman Pamen Telo Ipok
Keman Sama, Pisak Sama
Puk..a..a..a..a..a..a

(Ikhlās dari kami, *Ipok*. Makan, minum dan mainlah bersama. Oh, tuhan.)

Daripada struktur mantera *kaul* yang dihuraikan, didapati ia terdiri daripada binaan-binaan seperti berikut:



UNSUR ESTETIKA

Bahagian ini menghuraikan mantera daripada perspektif, seperti kerangka yang digunakan oleh Noriah Taslim (2010). Mantera yang dianggap sebagai sejenis sastera lisan menyerlahkan ciri estetika berikut:

(i) ALUSI

Alusi dapat didefinisikan sebagai perbuatan membayangkan atau merujuk kepada sesuatu secara tidak langsung (Kamus Dewan 2005). Berikut merupakan dua contoh dalam mantera *Kaul* yang mempunyai unsur alusi. Contoh 1 menunjukkan “hajat agar penduduk tempatan memperoleh hasil laut, hasil tanaman dan hasil makanan yang lumayan”. Contoh 2 pula secara tidak langsung menyatakan “hasrat agar dapat memperoleh rezeki yang banyak”.

Contoh 1: Merujuk kepada memperoleh hasil yang lumayan

Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya
Padak Jadi Bunga Buah Bak Pebuah
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun

(Terjemahan bebas: Biar ikan dan udang jadi banyak, bunga menjadi buah dan berbuah, ulat sagu berhasil banyak, tanaman di kebun menjadi subur.)

Contoh 2: Merujuk kepada rezeki yang banyak

Penok Kilak
Penok Upak
Penok Tadek

(Terjemahan bebas: Dulang, nyiru, besen, tempurung semuanya penuh.)

(ii) ANAFORA

Anafora adalah pengulangan sesuatu kata pada setiap baris pertama ayat yang mengikutinya (Keraf 2004). Unsur ini banyak dijumpai pada mantera *Kaul* yang dibacakan semasa upacara *Kaul*. Berikut merupakan petikan mantera tersebut.

Contoh 1:

Meleu Nda Ta'au Adet
Meleu Nda Ta'au Petuwak
Meleu Nda Ta'au Bahasa
Meleu Nda Ta'au Cara...

(Kami tidak tahu adat, kami tidak tahu petua menyembah, kami tidak tahu bahasa, kami tidak tahu cara)

Contoh 2:

Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya
Padak Jadi Bunga Buah Bak Pebuah
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun

(Terjemahan bebas: Biar ikan dan udang jadi banyak, bunga menjadi buah dan berbuah, ulat sagu berhasil banyak, tanaman di kebun menjadi subur.)

Contoh 3:

Penok Kilak
Penok Upak
Penok Tadek

(Terjemahan bebas: Dulang, nyiru, besen, tempurung semuanya penuh.)

(iii) REPETEN

Repeten adalah pengulangan bunyi, kata atau rangkaian kata dalam bahagian teks tertentu untuk memberi penegasan terhadap perkara yang dijelaskan. Dalam karya sastera, repeten bertujuan memberi penegasan atau menimbulkan nilai estetika dalam karya. Tempat pengulangan dalam setiap ayat selalunya tidak tetap (Nurulain & Che Ibrahim 2016).

Dalam petikan mantera *kaul* berikut, tujuan kata *Ipok* diulang oleh Bapak *Kaul*, iaitu Encik Salman (untuk memanggil *Ipok* datang makan bersama) kerana mantera ini adalah dibacakan kepada *Ipok-*

Ipok. Dalam erti kata lain, pengulangan kata *Ipok* bertujuan menghasilkan kesan penegasan iaitu secara khususnya mempersilakan *Ipok* untuk datang makan bersama mereka. Nampaknya fungsi repeten dalam mantera sejajar dengan yang terdapat dalam karya sastera.

Keman Melo Ipuk
Keman Pamen Telo Ipuk
Keman Sama, Pisak Sama

(Terjemahan bebas: Marilah makan, minum dan main bersama kami.)

(iv) EPIFORA

Epifora merupakan pengulangan pada akhir baris dalam setiap ayat atau frasa. Menurut Nurulain & Che Ibrahim (2016), dalam sastera epifora bertujuan menekankan kepentingan sesuatu. Namun dalam mantera *kaul*, unsur epifora berupaya menunjukkan keikhlasan Bapak *Kaul* berinteraksi dengan *Ipok-ipok*. Contoh epifora tersebut adalah:

“Keman Sama, Pamen Sama”
“Keman Sama, Pisak Sama”

Pengulangan kata “sama” memberi penekanan bahawa Bapak *Kaul* menpelawakan *Ipok-Ipok* untuk datang menjamu makanan atau minuman secara ikhlas. Setelah dipelawakan makan dan minum, Bapak *Kaul* berharap *Ipok-Ipok* memberkati kehidupan dan rezeki mereka. Ini kerana tujuan mantera digunakan dalam upacara *kaul* adalah untuk memanggil *Ipok-Ipok* datang makan (kerana makanan dibawa bersama semasa upacara) dan meminta keberkatan daripada mereka. Unsur pengulangan (seperti contoh di atas) menonjolkan kesungguhan dan keikhlasan Bapak *Kaul* (manusia) menjalinkan hubungan dengan makhluk maujud.

(v) HIPERBOLA

Menurut Kamus Dewan (2005), hiperbola adalah kiasan yang berlebih-lebihan atau di besar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu. Seperti yang dikatakan sebelum ini, dalam upacara pemujaan laut, mantera akan dibacakan untuk meminta keberkatan daripada *Ipok-Ipok* untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan penduduk setempat. Dalam mantera yang dibacakan semasa upacara *kaul* didapati mengandungi unsur hiperbola terutamanya pada bahagian yang menyatakan hajat iaitu seperti contoh berikut:

Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya

Padak Jadi Bunga Buak Bak Pebuak
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun
Lubeng Likau
Lubeng Gu'un
Lubeng Talun
Padak Penok Nyirok
Penok Kilak
Penok Upak
Penok Tadek

(Terjemahan bebas: hasil laut bertambah banyak, semua tanaman tumbuh dengan subur, pokok berbuah lebat dan lain-lain).

Dalam contoh di atas, maksud keseluruhan petikan ini adalah Bapak *Kaul* menyatakan hajat beliau (dan juga adalah hajat orang-orang setempat) kepada *Ipok* agar kehidupan mereka semuanya dapat diberkati. Dalam isi kandungan hajat beliau menyiratkan unsur hiperbola iaitu berkenaan semua perkara menjadi sempurna. Contohnya, hasil laut bertambah banyak, semua tanaman tumbuh dengan subur, pokok berbuah lebat. Di samping itu, segala-gala hasil memenuhi dulang, besen dan cupak. Kesemua ungkapan ini cuma hajat hati sahaja sedangkan kenyataan sebenar mungkin adalah sebaliknya.

(vi) REPETISI

Repetisi ada gaya sastera yang mengulangkan kata pada di baris yang sama. Dalam mantera *Kaul*, unsur ini banyak ditemui. Dua contoh berikut menunjukkan pengulangan kata *padak* dan *penok* berkali-kali dalam mantera yang dibacakan:

Contoh 1:

Padak Jadi Jekan, Payak, Bubuk Alud
Padak Jadi Jekan Daya
Padak Jadi Bunga Buak Bak Pebuak
Padak Jadi Kayau
Padak Jadi Lelamah
Padak Jadi Imun
Padak Jadi Kebun

(Terjemahan bebas: Biar ikan dan udang jadi banyak, bunga menjadi buah dan berbuah, ulat sagu berhasil banyak, tanaman di kebun menjadi subur.)

Contoh 2:

Penok Kilak
Penok Upak
Penok Tadek

(Terjemahan bebas: Dulang, nyiru, besen, tempurung semuanya penuh.)

Perlu dijelaskan di sini bahawa dalam mantera ini, juga dikenal pasti unsur yang seakan-akan repetisi, iaitu didapati kata *Ipok* wujud berulang kali dalam mantera. Namun cirinya bukan berstatus repetisi kerana jika dikumulatifkan, sebutan tentang *Ipok-Ipok* hanyalah nama berbagai Dewa yang dipercayai oleh suku Melanau.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, hasil analisis mendapati mantera kaul adalah berbeza mengikut individu *Bapak Kaul*. Mantera yang disampaikan berlainan daripada segi struktur dan kandungannya. Namun demikian, satu persamaan ketara ialah mantera ini terbina daripada bahasa Melanau tanpa meminjam unsur bahasa asing. Adakah ini bermaksud bahawa bahasa yang digunakan dalam mantera merupakan bahasa Sakral sehingga tidak menyelitkan unsur bahasa asing? Adakah ia bertujuan untuk memastikan kesuciannya? Sesungguhnya kajian lanjut perlu dibuat dengan data mantera yang lebih banyak dan luar. Mantera *Kaul* yang berupa mantera meminta atau memohon *Ipok-ipok* memberkati rezeki suku Melanau mengandungi struktur yang sistematik dan struktur berkenaan berupaya menampilkan sikap hormat pemuja terhadap dewa-dewa laut. Daripada segi isi penyampaian, yakni bahasa yang diguna pakai untuk berinteraksi dengan dewa-dewa, didapati kaya dengan unsur kesusasteraan yang menyerlahkan ciri keindahannya. Kandungan estetika seperti alusi, anaphora, repeten, epifora dan hiperbola menunjukkan bahawa mantera selain suatu medium perantara antara manusia dengan makhluk di alam ghaib, juga merupakan sejenis sastera lisan.

Chong Shin
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: chongshin@ukm.edu.my

Pan Hui
Guangxi, China. Calon PhD ATMA
Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: 674519251@qq.com

Diserahkan: 03 Januari 2019
Diterima: 04 Mac 2019

RUJUKAN

- Awang Azman Awang Pawi & Jeniri Amir. 2001. *Kaul: Suatu interpretasi sosio budaya*. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Chou Shu Hsiu. 2002. A Reconstruction of Proto. Melanau. Tesis Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeniri Amir. 2015. *Masyarakat Melanau di Sarawak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Jasman Bin Bandar. 2015. Mantera dalam budaya Banjarau Pitas. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, Gorys. 2004. *Argumentasi dan narasi: Lanjutan komposisi III*. Jakarta: Fukuzawa Pustaka Utama.
- MacDonald, M. 1985. *Borneo people*. Singapore: Oxford University Press.
- Morris, H.S. 1978. The Coastal Melanau. *Essays On Borneo Societies*, ed. Victor T. King, 37- 58. Oxford: Oxford University Press.
- Noriah Taslim. 2010. *Lisan dan Tulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2016. Retorik naratif dalam novel "Orang Kota Bharu". *Jurnal IMAN*. 4(2): 13-22.
- Pan Hui. 2017. Pengkajian Kaul Melanau Mukah dan Unsur Estetik dalam Manteranya. Tesis Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rubenstein, C. 1973. Notes on Melanau Songs. *Sarawak Museum Journal XXI* (42 Part I & II): 695-721.
- Sabrina Binti Md. Ismail. 2013. Laras mantera Melayu dari aspek teks dan konteks. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Skeat, W.S. 1949. Semah (Menyemah). *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society XXII* (Part I): 181-182.
- Yasir Abdul Rahman. 1987. *Melanau Mukah: Satu kajian budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.